



قلمت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 30

RABU 24 JULAI, 1985.

رابعو 6 ذولقعدة 1405

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan watikah perlantikan Hakim Brian Leslie Jones sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Tinggi. Gambar oleh Ak Bahar PHO.

KEBAWAH DYMM LANTIK P'JAYA MAHKAMAH TINGGI

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Hakim Brian Leslie Jones sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Tinggi bagi tempoh tiga tahun.

Tuan Hakim Brian Leslie Jones telah mengangkat sumpah kehakiman di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada petang Isnin lepas di Istana Nurul Iman.

Watikah perlantikan Tuan Hakim Brian Leslie Jones telah dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Anak Saffuddin.

Berangkat ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri

Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kesihatan.

Juga hadir di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Kebawah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan berangkat menyaksikan lumba perahu

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Kebawah DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada His Majesty King Baudouin I, The King of the Belgians bersempena dengan Hari Kebangsaan Belgium, pada 21 Julai 1985.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mohammad Husni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Arab Mesir, pada 23 Julai 1985.

Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyaksikan temasya sukan lumba perahu dan motor sangkut yang berlangsung di Sungai Brunei di sini Ahad lepas.

Berangkat sama menyaksikan temasya itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Temasya lumba perahu dan motor sangkut adalah

merupakan acara tradisi perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan sebanyak 13 acara telah dipertandingkan pada hari tersebut.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Md Daud telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang di perlumbaan itu.

Selain daripada itu acara tradisional seperti meniti di atas kayu dan menangkap itek berenang juga telah diadakan, khusus bagi penyertaan orang ramai.

DERMAGA DITUTUP

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Pemangku Pengawal Pelabuhan-Pelabuhan, Pengiran Halid bin Pengiran Mohammed memaklumkan bahawa dermaga Bandar Seri Begawan akan ditutup pada 27 Julai mulai 9.00 pagi hingga 29 Julai jam 7.00 pagi.

Penutupan itu, katanya kerana peratrakan kenaikan berucut di Sungai Brunei

MANISNYA IMAN

"JANGANLAH kamu terlalu boros (dalam membelanjakan hartamu) sesungguhnya orang-orang yang boros itu menjadi kawan-kawan syaitan, sedangkan syaitan kufur (ingkar) kepada Tuhan." — Makna ayat 26 — 27 Surah Al-Isra'.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menyaksikan temasya Lumba Perahu pada hari Ahad lepas. Gambar oleh Ak Bahar PHO.

Kerajaan DYMM kurniakan lebih \$8 juta bagi bantuan pencen

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah mengurniakan sejumlah \$8,413,825.00 bagi bantuan pencen-pencen dan elaun-elaun kepada 7,006 orang penerima termasuk 73 orang tanggungan pada tahun lalu. Bantuan tersebut kerana pencen-pencen dan elaun-elaun umur tua, buta, cacat anggota, gila, penyakit

Hansen (kusta) serta tanggungan mereka.

Daerah Brunei dan Muara dibayar sejumlah \$4,651,680.00 daripada 3,872 penerima termasuk 43 orang tanggungan; Daerah Belait sejumlah \$1,951,580.00 daripada 1,646 penerima termasuk 14 orang tanggungan; Daerah Tutong sejumlah \$1,447,900.00 daripada 1,190 penerima termasuk sembilan orang tanggungan dan Daerah Temburong sejumlah

\$362,665.00 daripada 298 penerima termasuk tujuh orang tanggungan.

Penerima baru yang didaftarkan di seluruh negara tahun lalu ialah seramai 602 orang. Ini termasuk penerima pencen umur tua seramai 585 orang, penerima pencen orang buta tiga orang, penerima elaun orang cacat tiga orang dan penerima elaun pesakit otak (lunatics) 11 orang.



24 JULAI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

**SAMBUTAN HARI
KEPUTERAAN:
SEDERHANA TAPI
MENGESANKAN**

PELANCARAN acara-acara sambutan Ulang Tahun yang ke-39 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei

Darussalam telah pun sempurna dilakukan di kesemua empat daerah.

Tetamu-tetamu kehormat yang merasmikan bermulanya acara-acara sambutan di daerah yang berkenaan menekankan bahawa seluruh rakyat dan penduduk ini ingin merakamkan sembah bagi membaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu rakyat dan penduduk negara ini mendoakan semoga Allah Subhanahu Wataala melanjutkan usia Baginda dan kerabat-kerabat Diraja, kekal karam memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Penglibatan dari berbagai-bagai peringkat dalam kerajaan dan orang ramai bagi sama-sama memeriahkan musim perayaan ini sudah merupakan sebahagian daripada tradisi yang memperjelaskan kedudukan negara ini sebagai negara beraja, sesungguhnya kepentingan utama perayaan ialah pada memungkinkan kesan suasana negara beraja itu terus-menerus segar.

Acara-acara sambutan yang diadakan begitu sederhana tapi mengesankan. Semua ini membawa pertanda bahawa kita adalah bangsa yang berwibawa kerana melalui ungkayah-ungkayah yang kita laksanakan di musim perayaan serupa

ini telah memungkinkan kita memperlihatkan keupayaan, kemampuan serta sikap teliti kita dalam merancang, bermasyuarah seterusnya perlaksanaan ke arah ciri-ciri pembentukan kehidupan masyarakat yang berprestasi di segenap bidang dalam sebuah negara yang berkonsep Melayu Islam Beraja.

Acara-acara yang dipersembahkan bukan semata-mata tertumpu ke arah yang berbentuk hiburan. Akan tetapi sebahagian daripada acara-acara itu memaksa kita berfikir secara serius kerana ia melibatkan latihan-latihan yang lebih awal, daya kreatif yang dapat dibanggakan di samping pengorbanan masa dan stamina yang bukan sedikit.

Semua ini dihasratkan bagi memupuk bakat semula jadi dengan harapan ia akan menjadi dorongan yang kuat dalam meningkatkan lagi prestasi diri masing-masing yang terlibat.

Kita berkeyakinan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang kita sambut secara sederhana tapi mengesankan ini akan tambah memupuk serta memelihara harapan dan kepercayaan yang memang sedia ada terhadap kepimpinan Baginda. Sambil itu juga kita berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mentaufigkan Baginda dalam memimpin negara serta menerajukan kerajaan dengan cemerlang yang diredai dan juga diberkati-Nya.

**Juara Bintang
Keputeraan**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Roslin bin Mohd. Daud dan Dayangku Kamsiah binte Pengiran Maharie masing-masing telah menjuarai Bintang Keputeraan 1985 dalam bahagian lelaki dan wanita yang telah diadakan pada malam Sabtu lalu.

Peraduan itu telah dianjurkan bersama oleh Majlis Belia-Belia Brunei (MBB) dan Syarikat Kerjasama Penerbangan Diraja Brunei (RBA) sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-39 tahun.

Menduduki tempat kedua bahagian lelaki ialah Awang Zulkifli bin Butir dan ketiga pula Awangku Osman bin Pengiran Damit. Sementara bahagian wanita pula tempat kedua dimenangi oleh Dayangku Norleha binte Pengiran Maharie dan tempat ketiga ialah Dayang Mariam binte Hanafiah.

Juara kedua-dua bahagian telah menerima hadiah tiket penerbangan ke mana-mana salah satu daripada tujuh destinasi Penerbangan Diraja Brunei yang ada sekarang yang ditaja oleh syarikat tersebut.

**77 DILANTIK PEGAWAI PERHUBUNGAN
HAJI DAN PERUBATAN**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji telah mengeluarkan jadual-jadual penerbangan haji pergi dan balik bagi musim haji tahun ini seperti berikut :

Penerbangan Pertama akan bertolak dari Brunei ke Jeddah pada 30 Julai jam 3.20 petang (waktu Brunei), dan balik dari Jeddah ke Brunei pada 1 September jam 2.30 pagi (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 1 September jam 8.25 malam (waktu Brunei).

Penerbangan kedua akan bertolak dari Brunei ke Jeddah pada 31 Julai jam 8.05 malam (waktu Brunei), dan balik dari Jeddah ke Brunei pada 2 September jam 9.45 pagi (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 3 September jam 3.40 pagi (waktu Brunei).

Penerbangan ketiga akan bertolak dari Brunei ke Jeddah pada 2 Ogos jam 2.40 pagi (waktu Brunei) dan balik dari Jeddah ke Brunei pada 3 September jam 6.45 petang (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 4

September jam 12.40 tengah hari (waktu Brunei).

Penerbangan keempat akan bertolak dari Brunei ke Jeddah pada 3 Ogos jam 7.25 pagi (waktu Brunei) dan balik dari Jeddah ke Brunei pada 5 September jam 2.30 pagi (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 5 September jam 8.25 malam (waktu Brunei).

Penerbangan kelima akan bertolak dari Brunei ke Jeddah pada 4 Ogos jam 12.10 tengah hari (waktu Brunei) dan balik dari Jeddah ke Brunei pada 6 September jam 7.45 pagi (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 7 September jam 1.40 pagi (waktu Brunei).

Penerbangan keenam akan bertolak dari Brunei ke Jeddah pada 5 Ogos jam 4.50 petang (waktu Brunei) dan balik dari Jeddah ke Brunei pada 7 September jam 12.30 tengah hari (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 8 September jam 6.25 pagi (waktu Brunei).

Penerbangan ketujuh akan bertolak pada 6 Ogos jam 9.35 malam (waktu Brunei) dan bertolak dari Jeddah ke

Brunei pada 8 September jam 7.45 malam (waktu Jeddah) dan dijangka sampai ke Brunei pada 9 September jam 1.40 tengah hari (waktu Brunei).

Sementara itu Pegawai Perhubungan Haji, Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Abdullah mengingatkan kepada semua bakal-bakal haji supaya menghantar barang-barang mereka ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas sehari sebelum tarikh penerbangan yang telah ditetapkan dan setiap jemaah hanya dibenarkan membawa barang-barang seberat 30 kilo semasa pergi dan balik.

Manakala barang-barang yang hendak dibawa ditangan, menurut beliau hendaklah dalam satu beg yang berukuran 20 x 14 x 18 inci.

Untuk tujuan keselamatan, Awang Haji Abdul Rahman mengingatkan lagi bahawa sebarang alat yang boleh membakar seperti gas dan seumpamanya adalah ditegah keras sama ada disimpan dalam kargo atau dibawa di tangan.



KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Indonesia telah turut bersama-sama meraikan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-39 tahun pada Isnin, 15 Julai 1985 yang lalu dengan mengadakan suatu resepsi di rumah kediaman Duta Besar TYT Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd Limbang. Banyak para jemputan yang terdiri daripada Duta-Duta Besar negara sahabat, pegawai-pegawai tinggi Pemerintah Republik Indonesia dan orang-orang kenamaan Jakarta telah menghadiri resepsi tersebut dan memberi ucapan Selamat Hari Ulang Tahun untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Kelihatan dalam gambar TYT Duta Besar Negara Brunei Darussalam bersama staf dan keluarga masing-masing bergambar ramai selepas mengadakan resepsi tersebut.

**JADUAL PENERBANGAN
BAKAL-BAKAL Haji**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankan seramai 35 orang Pegawai-Pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pegawai Perhubungan Haji dan 42 orang Pegawai-Pegawai dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan menjadi Pegawai Perubatan yang akan mengiringi dan mengutuskan hal-ehwal bakal-bakal haji negara ini.

Enam orang daripada Pegawai Perhubungan Haji tersebut yang diketuai oleh Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah dan seorang Pegawai Perubatan, Dr. Haji Mehboob Ali Khan telah berlepas ke Jeddah semalam bagi menguruskan segala persediaan jemaah-jemaah haji ketika berada di Tanah Suci.

Nama-nama Pegawai Perhubungan Haji yang akan mengiringi bakal-bakal haji negara ini bagi penerbangan pertama terdiri daripada Pengiran Haji Roslan bin

Pengiran Haji Tengah (Ketua), Awang Haji Mislee bin Haji Abdullah, Awang Haji Othman bin Simpol dan Awang Haji Asaha'ari bin Haji Mohd. Salleh.

Bagi penerbangan kedua Pegawai Perhubungan Hajinya ialah Awang Haji Isa bin Dato Haji Tamit (Ketua), Awang Haji Hidir @ Dollah bin Lamit, Pengiran Haji Kula bin Pengiran Haji Sulaiman dan Awang Haji Abd. Manaf bin Adam.

Sementara Pegawai-Pegawai Perhubungan Haji bagi penerbangan ketiga terdiri daripada Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd. Daud (Ketua), Awang Haji Azmain bin Haji Kahar, Awang Haji Abdul Latif bin Mohd. Taib dan Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Bakir.

Penerbangan keempat pula ialah Awang Haji Mohd. Zain bin Han Awang (Ketua), Awang Haji Marud bin Haji Mohd. Yusof, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Bakir dan Awang Haji Sulaiman bin Muhammad.

Manakala bagi penerbangan kelima pegawai-pegawainya terdiri daripada Awang Haji Mohd. Lazim bin Metali (Ketua), PWI Awang Haji Abdul Rahman bin Shamsudin, Awang Haji Mahmud bin Yahya dan Awang Haji Abdul Rahman bin Samad.

Pegawai-pegawai Perhubungan Haji bagi penerbangan keenam ialah Pengiran Haji Jaberuddin bin Pengiran Haji Mat Salleh (Ketua), Awang Haji Abdullah bin Jaafar, Awang Haji Ismail bin Awang Haji Apit @ Awang Haji Abd. Hapidz serta Awang Haji Sulaiman bin Puteh.

Bagi penerbangan ketujuh pula Pegawai Perhubungan Hajinya terdiri daripada Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Awang Haji Abdul Hamid bin Han Tamat, Awang Haji Marah bin Ma Yusoff, Awang Haji Abang bin Bani dan bagi penerbangan terakhir pula Awang Haji Marud bin Haji Ahmad.



DI ANTARA Pegawai-Pegawai Kobajikan Haji yang akan menguruskan kabajikan jemaah-jemaah haji Brunei Darussalam di tanah suci pada tahun 1985/1405 ini. — Gambar ihsan JHEU.

5 orang pegawai ikuti kursus di Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pengangkutan Darat, baru-baru ini telah menghantar lima orang pegawai dan kakitangannya bagi mengikuti latihan secara penempatan di Jabatan Pengangkutan Malaysia.

Mereka ialah Awang Haji Kamaludin bin Haji Md. Noor, Awang Masri bin Haji Jaafar, Awang Mazid bin Angas dan Awang Fakim bin Jaafar.

Mereka mengikuti latihan di Malaysia selama kira-kira dua minggu di bawah skema Latihan Dalam Perkhidmatan. Sementara itu mereka

juga akan meneruskan latihan di Pejabat Pendidikan Kereta-Kereta di Singapura selama kira-kira seminggu.

Latihan secara penempatan ini adalah bertujuan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Pegawai pegawai Melesen dan Pemeriksa Kereta di jabatan tersebut.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 24 Julai, 1985.

KALAU ia diibaratkan kakitangan jabatan Kerajaan, tahun lalu ia sudah bersara kerana umur sudah mencapai 56 tahun. Kita hanya leka menghitung tahun-tahun kita bekerja untuk mencongak kepentingan-kepentingan tersendiri.

Tambang percuma untuk naik haji bagi yang sudah berkhidmat lima belas tahun. Pinjaman wang sejumlah 36 bulan gaji atau 48 bulan gaji pokok untuk membangun rumah. Tambang percuma ke United Kingdom atau tukarkan untuk perbelanjaan umrah bagi mereka dalam sukatan gaji C3 ke atas. Tambang percuma cuti tempatan. Tambang percuma tiga tahun sekali. Elaan pelajaran anak-anak di luar negeri yang lupa dituntut. Atau paling-paling berhasrat untuk membeli kereta baru setelah pinjaman wang bagi membeli kereta sudah selesai.

Tak Sempat Memikir

Kita leka dengan segala kemudahan hasil perkhidmatan yang telah kita tumpahkan dalam tahun-tahun perkhidmatan. Entah sengaja lupa atau sengaja pura-pura lupa memikirkan sumber ekonomi negara yang sudah pun berumur 56 tahun.

Kita tidak tahu bila sumber utama kemewahan kita ini akan bersara — berhenti memacutkan cecair lendir hitam — kerana setiap yang mula tentu berakhir, ini suatu kemutlakan.

Sempatlah kita memikirkan secara berat hal ini. Atau kita masih percaya minyak kita akan terus mengalir dari perut bumi di darat dan di dasar laut terus menerus. Syukur, negara kita dianggap punya pendapatan kasar negara yang tertinggi di dunia malah setanding dengan negara industri yang sudah maju. Semuanya ini berpunca dari minyak dan gas cecair asli!

Banyak Perubahan

Sejak minyak ditemukan pada 1929 di Seria, sudah banyak perubahan berlaku. Dulu pengeluarannya cuma dalam ribuan tong sehari, tetapi sepanjang tahun 1983 tahun terakhir negara kita dalam perlindungan Inggeris, produksi minyak yang dibawa melalui saluran ke Padang Magpie bersama dengan kemajuan padang-padang yang lainnya membolehkan kita mengeksport kira-kira 179,000 tong sehari.

Kalau dulu Shell Brunei cuma mengendalikan struktur-struktur di darat tapi pada tahun 1983 sahaja Shell Brunei mengendalikan lebih dari 200 struktur luar pantai dan kontrak bagi melindungi struktur-struktur ini dalam jangka masa panjang dengan catatan perbelanjaan pokoknya meningkat ke parasnya yang paling tinggi sepanjang tempoh dua tahun tersebut yang berjumlah B\$1,135 juta pada tahun 1982, berkurangan sebanyak B\$811 juta pada tahun 1983.


Bertambahnya Tugas Operasi

Dalam tahun 1984 setelah kita mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, perbelanjaan modal bagi melindungi struktur-struktur di atas telah turun kepada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak B\$564 juta.

Operasi kian bertambah terutama pelancaran kilang penapis minyak Brunei, kemudahan gas Ampa-Fairley dan Champion-7, perbelanjaan kendalian bagi tahun 1984 dapat dikawal dalam lingkungan B\$511 juta berbanding dengan angka-angka tahun 1982 dan tahun 1983 iaitu sebanyak B\$540 juta dan B\$536 juta.

MINYAK NEGARA YANG LEBIH SETENGAH ABAD

Oleh Mohd. Salleh bin Abdul Latif



STOK penghasilan minyak disimpan di tangki-tangki ini berhampiran dengan kilang penapis minyak di Seria.

Penemuan Minyak

Telaga Iron Duke-7X berhasil mencatatkan penemuan lapisan-lapisan yang mengandungi minyak yang nanti memungkinkan penggunaan pengukuran seismik 3-D, satu sistem tafsiran bantuan-komputer.

Di struktur Scout Rock telah ditemukan sumber gas kecil.

Dengan penemuan ini akan mempertambahkan lagi deretan penggalan telaga minyak yang dalam tahun 1984 saja telah diselesaikan 19 buah di Seria; 3 buah di Rasau; 4 buah di S.W. Ampa; 20 buah di Champion dan 2 buah di Magpie. Semuanya berjumlah 48 buah telaga telah selesai digali yang hanya berbaki 9 buah lagi telaga untuk digali terus.

179,000 Tong Sehari

Pada keseluruhan tahun 1983 purata pengeluaran minyak-minyak mentah dan gas cecair asli adalah sekitar 179,000 tong sehari, yang mana menunjukkan sedikit lebih tinggi sasaran 176,000 tong sehari.

Pelanggan-pelanggan utama minyak mentah tersebut ialah Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Jepun 46%, Amerika Syarikat 14%, Korea 13%, Singapura 10%, Thailand 8%, Taiwan 5%, Filipina 3% dan Perancis 1% adalah pembeli-pembeli minyak mentah negara sepanjang tahun 1983.

Pada tahun 1984, penghasilan minyak dikekalkan menurut kadar yang agak mantap, iaitu kira-kira 190,000 tong sehari dari bulan Januari sehingga ke akhir bulan Ogos. Kemelut pasaran minyak mentah di pasaran antarabangsa telah menekan kita untuk menurunkan eksportnya pada bulan suku akhir tahun 1984 purata penghasilan kita cuma kira-kira 151,000 tong sehari. Yang paling rendah ialah

pada bulan Oktober iaitu sebanyak 129,000 tong sehari.

Perdagangan Minyak

Kemelut perniagaan minyak di pasaran antarabangsa pada tahun 1983 ekoran dari kejatuhan permintaan yang berterusan dan pengeluaran yang melimpah-limpah telah mendesak para pengeluar bagi menurunkan harga minyak namun minyak mentah kita dapat dikekalkan dengan harga yang tetap tanpa mendapat kadar potongan harga, meluaskan kredit atau lain-lain keutamaan. Kerananya, hasil tambahan jualan bertambah dari masa ke satu masa.

Perdagangan minyak sepanjang tahun 1984 juga dipengaruhi oleh pergolakan pasaran minyak antarabangsa yang lemah di samping tekanan-tekanan bagi mengurangkan harga minyak selain dari keyakinan negara-negara pembeli serta penggunaan utama minyak bahawa bekalan minyak sudah diperolehi dengan adanya kelebihan minyak.

Kita dapat mengawal eksport minyak menurut had yang dirancang sehingga bulan September 1984. Ketika ini, minyak begitu berlebihan hinggakan ada setengah-tengah negara pengeluar minyak mengurangkan potongan harga US\$2 hingga US\$3 bagi setiap tong yang hendak dibeli. Keadaan serupa ini mendesak pelanggan tetap kita mengurangkan pembelian minyak negara, mereka lebih mengutamakan keuntungan dalam pembelian secara tepat 'spot sale' dari pembekal-pembekal yang lain.

Berasaskan ini kita telah mengurangkan harga Campuran Eksport Ringan Seria (SLEB — Seria Light Export Blend) dengan US\$0.50 setong, menjadikan US\$29.60 setong semenjak 1 Oktober 1984 dengan andaian adanya perbezaan realistik antara SLEB dengan eksport Cham-

pion tetapi langkah ini gagal menarik negara-negara pembeli dalam masa pendek.

Minyak Senjata Politik

Dapatkah kita bayangkan apa akan terjadi kalau manusia hari ini tanpa adanya energi minyak! Bayangan apa yang ada di kepala anda, energi apa sebagai gantinya?

Minyak bukan hanya digunakan untuk lampu elektrik, menggerakkan sebarang angkutan yang menggunakan jentera, tetapi juga membantu pelbagai pengeluaran untuk keperluan umat manusia. Minyak ketara diperlukan untuk kesegaran hidup sehari-hari.

Selari dengan ini peranan minyak mempengaruhi perkembangan politik antarabangsa dan perkembangan ekonomi sejagat. Kerananya, minyak adalah sumber yang begitu strategik. Lihat saja kepada OPEC, perancangan yang melanda dalam pertubuhan pengeluar-pengeluar minyak ini cukup kuat menentukan jalannya ekonomi dunia serta pasaran matawang antarabangsa. Setengah-tengah negara menggunakannya sebagai senjata politik yang ulung untuk memaksa pelbagai pihak untuk mematuhi kehendak-kehendaknya tetapi senjata ampuh ini sudah siap untuk membuka mata setiap negara yang mempunyainya. Tentunya, Brunei tidak terkecuali.

Kesediaan Menimba Keuntungan

Minyak itu penting, jadi penglibatan yang ghairah dari mereka yang berminat bersedia untuk menimba untung dari industri minyak ini. Untung ini dapat diperolehi melalui peluang-peluang perjanjian sesuatu kontrak dengan Shell Brunei.

Kontrak itu tidak hanya dibolot oleh perusahaan-perusahaan minyak raksasa tetapi jua ditumpahkan kepada pemborong-

pemborong tempatan. Sepanjang tahun 1983 lebih 293 kontrak yang berjumlah kira-kira B\$47 juta telah ditawarkan kepada pemborong-pemborong Melayu Brunei, di samping kesediaan Shell Brunei mengadakan kursus perniagaan bagi menambah kemahiran urusniaga mereka kepada 60 orang pemborong-pemborong Melayu Brunei yang berdaftar dengan Shell.

\$81 juta tahun 1984

Sifatnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat sejak 1 Januari 1984, tawaran-tawaran kontrak kepada pemborong-pemborong Melayu Brunei telah meningkat. Sepanjang tahun 1984, kontrak-kontrak bernilai B\$81 juta, tambahan sebanyak B\$34 juta dibanding dengan tahun sebelumnya, telah diberikan kepada pemborong-pemborong Melayu Brunei.

Dalam pada itu Shell Brunei terus menggalakkan pembentukan usahasama di antara peniaga-peniaga asing dengan pemborong-pemborong Melayu Brunei yang aktif untuk menceburkan diri dalam perusahaan teknologi yang tinggi.

Tawaran-tawaran yang bernilai B\$396 juta telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha sama dalam tempoh tiga tahun yang lalu yang sekurang-kurangnya 30% saham dimiliki oleh bangsa kita.

Perjanjian Usahasama

Bulan Oktober 1984 satu Perjanjian Usahasama telah ditandatangani antara Kerajaan DYMM, LNG Brunei dan Shell Brunei bagi Projek Bersama Janakuasa Elektrik Brunei.

Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang Nico John van Dijk pernah menekankan bahawa selain daripada Projek Bersama Janakuasa Elektrik Brunei, tahun ini pada dasarnya

menunjukkan kegiatan Syarikat Minyak Shell Brunei terus menurun seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 1983.

Menurutnya, masalah yang paling genting di tahun 1984, dengan tidak diragui lagi adalah merupakan perdagangan minyak mentah. Pada keseluruhan tahun 1984 terdapat satu kelebihan pengeluaran minyak di seluruh dunia dan ini diikuti pula dengan tekanan yang menurun pada harga minyak, khususnya pada suku tahun terakhir. Kerananya, kami terpaksa bertungkus-lumus mengawal penjualan minyak mentah Brunei agar memuaskan.

Penutup

Pengalaman kita selama 56 tahun sebagai pengeluar minyak kiranya belum cukup untuk kita bertindak lebih dewasa serta matang, kalau kita menyedari hakikat ini, maka belum lagi lewat untuk kita membetulkan hal yang wajar diperbetulkan baik oleh kerana kecaian kita atau oleh kerana sengkaja dimanfaatkan oleh pihak lain.

Apakah kita selama ini terlena? Dari sekarang kita perlu bekerja lebih keras, mengubah sikap kerana 'glamour' yang diperolehi disebabkan oleh minyak sumber ekonomi negara kita terlalu banyak meninggalkan bekas pada sikap kita, semangat kita, cara berfikir kita, cara bekerja kita dan cara pendekatan kita.

Gagasan apa yang tergambar di kepala, yang begitu teguh dan meyakinkan bagi kelangsungan kewibawaan sebuah negara yang bernama Brunei Darussalam andainya emas cair hitam degil untuk terus keluar!

Dari Januari hingga Ogos 1984 penghasilan minyak negara ialah 190,000 tong sehari tetapi pergolakan pasaran minyak antarabangsa telah menekan kita untuk menurunkan eksportnya suku bulan terakhir 1984 yang purata penghasilan cuma 151,000 tong sehari. Yang paling rendah ialah pada bulan Oktober yang cuma 129,000 tong sehari.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-286

PUAK BATINIYYAH

Siri ketiga belas



BARANGSIAPA tiada dalam syurga dunia, tiada dapat syurga akhirat, kerana syurga itu tertentu kepada orang yang berakal dan siuman bukan kepada orang bodoh, dinamakan syurga (jannah) kerana ia tersembunyi. Dan dinamakan jin itu jin kerana ia terlindung dari mata, syurga atau jannah di sini dikehendakkan ialah perkara yang tersembunyi daripada pandangan manusia yang kecewa (mankus), yang tiada berilmu dan tiada berakal, maka orang dungu itu bertambah-tambah gemar hendak tahu, dan berkata pendakwah yang malaun itu bayar upah 12 emas sebagai korban, dan ia pergi dan berkata kepada imamnya: "Hamba tuan hamba, telah sempurna fikirannya, dan bersih hatinya, dia hendak sampai ke puncak hukum dan hendak syurga dengan selamat, dan hendak berkahwin dengan bidadari." Berkata imamnya yang kelakuan syaitan itu, "Adakah awak benar sudah mengetahui hakikatnya?" Ia menjawab: "Ya tuan hamba." Kemudian berkata imamnya: "Ilmu kita ini susah, sukar dicapai, tiada dapat dipikul akannya melainkan Nabi utusan, atau Malaikat yang hampir kepada Allah, atau hamba yang diketahui benar imanannya, maka jika benar begitu di sisi awak, bawalah dungu itu kepada bini awak, dan himpunkan di antara keduanya." Berkata pendakwah dayus itu: "Taati setia kepada maulana tuan hamba." Maka dibawanya orang dungu itu ke rumahnya, dan dia bermalam dengan isterinya hingga pagi hari, waktu pagi ia datang mengetuk pintu, dan berkata: "Kamu berdua bangun sebelum diketahui oleh manusia yang kecewa (mankus)." Dan orang dungu mengucap terima kasih, ia menjawab: "Itu semua bukan kelebihan budi bicara saya, itu limpah kelebihan maulana imam kita." Apabila orang dungu keluar dari rumah itu, maka kumpulan yang malaun pun mendengar darihal orang dungu itu, maka masing-masing dari kumpulan yang malaun tidur bersama isterinya, sebagaimana yang dibuat oleh pendakwah yang malaun itu.

Kemudian pendakwah itu berkata: "Mestilah awak akan hadir dalam majlis yang lebih besar di rumah maulana, im-

am kita itu, dan kamu bayar korban." Maka orang dungu itu membayar 12 emas, ia bawakan kepada maulananya itu dan berkata: "Ya maulana bawalah hamba tuan hamba pulan anu itu, gemar akan hadir dalam majlis lebih besar, dan ini korbannya." Hingga malam pun gelap dan gelas-gelas pun diedarkan, badan seronok, dan kepala pun telah berpusing khayal, maka semua anggota kumpulan yang malaun mem-bawakan bini-bini masing-masing masuk ke dalam majlis itu, dan lampu pun dipadamkan, masing-masing mengambil apa yang sampai di tangannya, kemudian Al-Imam mereka menyuruh isterinya masuk bersama-sama dalam majlis itu, dan berbuat sebagaimana perbuatan pendakwah dan ahli kumpulan itu, maka orang dungu itu datang sebagaimana perbuatan pendakwah dan ahli kumpulan itu, maka orang dungu itu datang mengucapkan terima kasih. Berkata pendakwah: "Itu semuanya bukan limpah kemurahan saya, itu limpah kemurahan maulana kita Amirul Mu'minin Salawatullah Alaihis, bersyukur kepadanya, kerana telah mengangkat segala sekatan daripada kamu, dan menggugurkan dosa-dosa kamu, dan telah menghalalkan setengah perkara yang haram dan dilarang oleh orang-orang jahil kamu (yang tiada masuk dalam kumpulan mereka)." Inilah cerita orang yang telah masuk dalam kumpulan mereka, kemudian keluar mengarang kitab menceritakan kepada umat Islam, supaya jangan terjerat dengan perangkap puak Batiniyyah laknatullahi Alaihim.

Mengapa orang dungu dan bodoh itu tiada berkata: Kiranya imam mereka boleh berbuat segala perkara, maka nescaya ia tiada minta wang emas daripada orang, kerana dia mendakwa memiliki segala khazanah langit dan bumi kononnya, bagaimana tersebut dalam kitab-kitab karangan mereka "Al-Balagh" inilah dia hal orang yang membuat kufur dan ilhad, dan mengaku

memiliki kemuncak langit dan bumi, dan memperoleh emas dan menyimpan segala galian, diam dalam istana dan minum Maul Hayah, dan tersebut dalam perumpamaan barangsiapa mengetahui ilmu kimia, nescaya ia tiada minta dan tiada menadah tangan, ini suatu perkara yang sangat pelik, bahkan adakah raja yang mempunyai kebesaran hendak mengambil duit hamba banya yang hina-dina kerana imam-imam mereka seolah-olah macam Tuhan mereka pada pandangan mereka.

2. Setengah dari cara mereka menipu orang, maka mereka bercakap menurut kadar iktikad, akal dan kelas mereka, maka orang-orang yang bodoh akan jadi mangsa mereka dan mereka pergi kepada tiap-tiap kumpulan sama ada orang Islam atau bukan Islam dan mereka masuk dari pihak keinginan hobi kumpulan itu.

Barangsiapa mereka dapati ia orang Islam Syi'iyu (orang melampau cintakan Sayidina Ali dan anak-anaknya), maka ia berpura-pura menampakkan semangat tasyaiyu' (bersebelah) kepada orang itu, mereka zahirkan agama mereka dan iktikad mereka, iaitu mereka memaki menyenarah akan umat Islam kerana menzalimkan Sayidina Ali dan anakanda-anakandanya, dan membunuh Sayidina Al-Hussin, dan mereka menzahirkan tabarru' (berlepas diri dan bencikan) Bani Umayyah dan Bani Abbas, dan lain-lain perkara seperti yang tersebut itu. Mereka jadikan Sayidina Ali Karramallahu Wajhah sebagai perlindungan perisai bersembunyi di bawah kemuliaan mereka, dengan mencurahkan segala kejahatan kepada umat Islam supaya umat Islam keluar dari agama Islam.

Barangsiapa mereka dapati orang Majusi, maka mereka menzahirkan di hadapannya memuliakan api, nur dan cahaya dan matahari dan seumpamanya dari adat upacara agama Majusi.

Barangsiapa mereka dapati orang Yahudi, maka mereka menzahirkan di hadapannya memuliakan hari Sabtu, dan memaki menyenarah orang-orang Nasrani dan orang-

orang Islam, dan menyatakan bahawa Nabi Isa itu tiada diberanankan dan lain-lain lagi dari adat kesukaan orang Yahudi.

Barangsiapa mereka dapati orang Nasrani Kristian, maka mereka menzahirkan di hadapannya menghina-hinakan orang Yahudi, dan orang-orang Islam, dan mereka membesarkan perkara bapa (Allah) dan anak (Isa) dan Ruhul-Qudus, dan mereka berkata semuanya itu betul, dan mereka menghormat dan membesarkan kayu salib di hadapannya dan lain-lain lagi.

Barangsiapa mereka dapati ia orang failasuf atau profesor atau pendeta, maka itulah kemahuan mereka, kerana semuanya itu mengatakan ada zahir dan batin, sekalipun batin mereka ada berlain-lainan erti dan maknanya, mereka semuanya sekata bahawa 'alam ini Qadim, dan tiada ada ma'ad (kembali) kepada Allah pada hari kiamat, dan tiada ada muk-jizat dan lain-lain lagi, tiada ada syariat, tiada ada perkara-perkara wajib, tetapi kebanyakan orang-orang failasuf itu atau profesor itu atau pendeta-pendeta itu menyalahi mereka dengan berkata ada tuhan mentadbirkan alam ini, dan orang-orang batiniyyah tiada mengaku ada tuhan, bahkan mereka berkata bahawa alam ini jadi dengan sendiri atau alam ini ada dengan tabiatnya sendiri.

Barangsiapa mereka dapati menyembah dua tuhan daripada orang Farsi, itulah kesukaan mereka kerana mencapai tujuan mereka, maka mereka menyatakan kepadanya, tiada ada satu tuhan, dan mengatakan ada dua tuhan iaitu As-Sabiq dan At-Tali.

Kemudian mereka mengambil sumpah dan mengikat perjanjian, dengan bersungguh-sungguh supaya sumpah itu menjadi perlindungan mereka dan kubu dari pecah rahsia mereka kepada orang ramai, mereka membawa orang-orang yang dijumpainya itu kepada kufur sedikit demi sedikit, mereka bawa ia kepada satu, kepada satu darjah kufur yang lebih dalam, mula-mula mereka zahirkan kepadanya, akan

keadaan Afaf (suci tiada lucuh), Kafaf (berpada-pada dalam kehidupan), dan Zuhud pada perkara dunia, dan mengajak jangan hiraukan harta benda dan wang ringgit, dan mereka menegah keras orang itu dari bercakap bohong, zina, liwat (homosex), minum arak, dan menyanyi muzik dan seumpamanya, mereka berlemah-lembut dengannya pada mula-mula orang itu masuk dalam perangkap mereka, bemesra, dan berdamai dan berpura-pura berbudi bahasa, dan tiada membuat sesuatu perkara menjadikan orang itu liar, dan tiadalah mereka pada mulanya menahan menegah orang itu dari beribadat kepada Allah dan taat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kemudian mereka mendatangkan dalil dan keterangan setelah orang itu ada bersama-sama mereka beberapa minggu, bahawa mereka ada ketua, ada ketua atau imam mereka itu ialah sekarang imam yang ketujuh iaitu Sayidina Ismail bin Jaafar As-Sadik Alaihis Salam, dengan pura-pura mengatakan begitu, tetapi sebenarnya bahawa Ismail itu dan datuk neneknya pada mereka tiada sesuatu erti.

Kemudian mereka mengajak orang itu membuang agama Islam, syariat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mereka berkata: "Bahawa Imam ketujuh itu ialah penghabisan rasul-rasul, dan (Sayidina) Muhammad itu adalah pada gilirannya, dan syariat Nabi Muhammad itu (agama Islam) telah dimansuhkan, dan (Sayidina) Ali itu bukan ia imam (pemimpin), begitulah hasutan mereka sehingga orang itu keluar dari agama Islam, dan menjadi kafir dan syaitan dari jenis manusia yang malaun yang direjam."

Kemudian mereka berkata: "Bahawa manusia dan makhluk itu balik kepada Allah dengan lembaga rohnyah sahaja, dan syurga dan neraka itu cuma perkara roh sahaja, hingga orang itu mening-

galkan kepercayaan berke-naan syurga dan neraka bagaimana yang tersebut dalam Quran dan hadis. Berkata Syekh Al-Islam Al-Bajuri dalam Syarah Jauharat Tauhid: "Bahawa ulama Tauhid telah mengafirkan ahli falsafah (failasuf) yang mereka (1) engkarkan ilmu Allah Taala dengan mengetahui tiap-tiap satu benda (Ilmuhi Bil-juziyyat), yakni mereka engkarkan Allah Taala mengetahui akan tiap-tiap satu benda satu persatunya. Sebagaimana ulama tauhid mengafirkan ahli falsafah yang (2)*....

*2. Engkarkan bahawa alam ini baharu (hadis).

3. Dan yang engkarkan jasad manusia berhimpun semula dan pergi ke padang Mahsyar pada hari kiamat.

Mereka batalkan perkara ada malaikat di langit, dan ada jin di bumi dan sebelum Adam itu ada banyak manusia sebelumnya.

Mereka berkata bahawa Allah Taala itu tiada ada sifat dan tiada bersifat, kerana tu-juan hendak menafikan adanya Allah Subhanahu Wataala yang memiliki tujuh petala langit dan tujuh petala bumi, hingga mereka membawa orang itu dengan tipu helah mereka kepada peringkat ketujuh iaitu peringkat lebih besar, dan di situlah orang itu keluar uga Islam dengan sepenuh-penuhnya.

Bagi orang-orang Batiniyyah itu mempunyai berbagai silap mata, sihir, mempercayakan orang dengan pantas gerak-geri dan ringan tangan pada berbuat sesuatu, dan mengkaburkan mata memandangnya, dan lain-lain perkara ganjil yang menipu orang ramai.

(Petikan dari kitab Qawaid Iktikad Ali Muhammad seberapa yang patut).

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24 Julai, 1985 hingga ke hari Selasa 30 Julai, 1985 adalah seperti di bawah ini :—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Julai												
24-25	12.32	3.49	3.50	6.41	6.42	7.52	7.53	4.56	4.42	4.57	6.14	6.15
26-30	12.32	3.48	3.49	6.41	6.42	7.52	7.53	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



PENGIRAN Jaluddin.



AWANG Semian.

Mengikuti kursus Posmen di KL

BERAKAS. — Seramai dua orang kakitangan Jabatan Pos telah berlepas ke Kuala Lumpur bagi mengikuti kursus Posmen di Institut Latihan Pos, Malaysia.

Mereka ialah Pengiran

Jaludin bin Pengiran Buntar dan Awang Semian bin Kara. Kedua-dua mereka akan mengikuti kursus tersebut selama empat minggu, termasuk dua minggu penempatan di Pejabat-Pejabat Pos, Kuala Lumpur.

IBADAH HAJI SATU IBADAH YANG UNIK

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sebagaimana yang sama-sama kita maklumi bahawa bulan Haji tidak lama lagi akan menjelang. Dan sudah tentunya kita tahu bahawa ibadah Haji itu rukun Islam yang kelima, diwajibkan kepada orang-orang yang berkemampuan sekali semur hidup dengan cukup syarat dan rukunnya. Haji itu bukan sahaja merupakan satu ibadah yang unik malah satu-satunya ibadah yang berjaya mengumpul umat manusia dengan perasaan hati yang suci murni, penuh keikhlasan untuk beribadat kepada Allah.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Al-Haj ayat 27 tafsirnya: "Serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan mengenderai unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh supaya mereka mempersembahkan berbagai-bagai menafaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang ditentukan."

Dari ayat yang tersebut di atas tadi telah jelas di hadapan kita bahawa orang-

orang yang menunaikan fardu haji itu bukan sahaja datangnya daripada negara kita malah dari segenap pelusuk dunia yang bertutur di dalam berbagai-bagai bahasa dengan berbagai-bagai adat resam serta berbagai-bagai warna kulit. Tetapi di sana (Mekah) tidak timbul perbezaan bahasa, tidak ada perbezaan kulit hanya yang dapat membezakan mereka ialah kekuatan iman dan takwa kepada Allah. Itu sahaja. Tidak ada yang lain. Kekuatan iman dan takwa itulah mengatasi segala-segalanya walaupun mereka yang datang itu menghadapi berbagai-bagai halangan dengan sebab tekanan berbagai-bagai masalah, tetapi mereka tidak sedikit pun gentar semua itu, mereka tetap juga pergi; pergi dengan hanya membawa bekal takwa dan iman. Firman Allah Taala dalam surah Al-Baqarah ayat 19, tafsirnya:

"Hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa, bertakwalah kamu kepada Aku (Allah) wahai orang-orang yang berakal."

Persoalan sekarang semakin ramai orang menunaikan haji pada setiap tahun? Sedangkan keadaan ekonomi dunia merosot di bawah tekanan-

tekanan inflasi? Jemaah haji kita saja tahun ini bertambah-tambah: Inilah buktinya. Keinsafan umat Islam untuk menghayati ajaran Islam semakin tinggi, ghairah menyahut seruan Allah, ingin menjadi tetamu Allah, ingin menikmati konsep ibadat haji dan falsafahnya yang amat luas itu buat mengharungi kehidupan dunia yang serba mengkhayalkan ini. Supaya konsep ibadat haji dan falsafah itu dapat dihayati dalam sanubari umat Islam, sebagai contoh di Arafah. Di Arafahlah bermulanya ibadah haji itu dan di Arafahlah kita akan menyaksikan betapa persaudaraan sejagat dan persamaan di antara manusia boleh diwujudkan, boleh disatukan dengan tidak mengira kedudukan dan pangkat serta taraf seseorang itu, warna kulit hitam dan putih. Semuanya mereka itu nanti berpakaiannya serba putih lambang kesucian. Di sanalah nanti baharulah diketahui bahawa diri manusia itu ada yang menjadikan, ada yang lebih berkuasa, maha bijaksana mengaturkan perjalanan dunia itu, iaitu Allah. Tuhan seru sekalian alam.

Kemudian berjalan pula di Muzalifah sambil mengutip batu bagi tujuan melontar di Mina nanti. Jelas ternyata konsep melontar itu bukanlah melontar sebarang dan

kosong, kerana syariat Allah bukanlah disyariatkan dengan sia-sia, tetapi ada hikmat yang tersembunyi. Apa dia? Ialah melontar itu satu simbol kesucian rohani dalam memperhambakan diri dan mematuhi titah perintah Allah. Di mana mengikut sejarah bahawa melontar itu ialah untuk mengembalikan kenang-kenangan Nabi Allah Ibrahim Alaihi Wasallam menerima ujian Allah sama ada mahu disembelih Nabi Ismail anaknya itu atau tidak? Tetapi dengan takwa yang kukuh Nabi Ibrahim Alaihi Wasallam tetap patuh kepada perintah Allah itu, tidak berganjak sedikit pun, malah iblis syaitan yang mempengaruhi itu dilontarnya dengan bersungguh-sungguh hati.

Kemudian selepas melontar itu dikenakan pula ibadat bercukur dengan beberapa helai rambut. Ibadat inipun mempunyai pengertian yang tersendiri iaitu pengabdian terhadap Allah kepada manusia yang menjadi lambang kemegahan dan kebesaran itu terpaksa tunduk sejenak dengan perasaan bahawa manusia itu kecil di hadapan Allah.

Selepas itu pula tawaf mengelilingi Kaabah, rumah ibadat yang pertama bagi manusia dan tempat berkat. Kemudian ditunaikan pula



ibadat bersa'i di antara bukit Safa dan Marwah. Tujuannya semata-mata untuk mengembalikan kenangan yang penuh bersejarah di mana Sayidatina Hajar (isteri Nabi Ibrahim) berlari-lari ulang alik di antara bukit Safa dan Marwah untuk mencari air bagi minuman anaknya Nabi Ismail sehinggalah terjumpanya air zam-zam yang masih kekal hingga ke hari ini, di antara tujuan disyariatkan ibadat sa'i ini ialah untuk menanamkan semangat kepahlawanan ke dalam jiwa seorang Islam

supaya sentiasa gagah, tidak mudah berputus asa dan menyerah kalah.

Demikianlah garisan kasar hikmat dan falsafah ibadah haji itu. Ingatlah pesan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu dalam syahih Bukhari dan Muslim maksudnya: "Barangsiapa mengerjakan haji sedangkan dia tidak mencampuri isteri, dan tidak melakukan maksiat, keluarlah dia dari dosanya seperti hari dia diperanakkan oleh ibunya."

SIFAT TAMAH MENENTANG SYUKUR KEPADA ALLAH

Menuju keredaaan Allah

AL-QURAN surah Ibrahim ayat 7, Allah berfirman kira-kira bermaksud: "Dan (Ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur engkar, sesungguhnya azab Ku amatlah keras."

Firman-Nya lagi di surah Al-Baqarah ayat 172 bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman makanlah (gunakanlah) barang-barang baik yang Kami telah karunkan kepada kamu dan bersyukurlah kamu kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya."

Begitulah antara banyak ayat-ayat Al-Quran yang menyuruh umat Islam bersyukur kepada segala apa jua nikmat yang telah Allah berikan kepada mereka. Banyak nikmat dan pemberian Allah kepada kita manusia dalam hidup ini, hanya manusia itu sendiri ada yang lupa kepada nikmat yang telah diberikan kepadanya. Bersyukur yang kita maksudkan di sini adalah — memelihara dan mempergunakan pemberian

Kata Yang Dimulihkan Kolonel Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Haji Sulaiman pegawai-pegawai dan perajurit-perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tidak sesiapa pun boleh mencurigai bahkan ianya tetap wujud dan menjadi darah daging setiap anggota.

Ikrar yang dilafaskan oleh Yang Dimulihkan Kolonel Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Haji Sulaiman dan diikuti oleh kira-kira 500 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang hadir di majlis malam itu berbunyi:

- * Taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda,
- * Mendukung dan menjunjung segala titah perintah dengan sepenuh kejujuran dan keikhlasan,
- * Menegakkan dan mengekalkan kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Hassanal Bolkiah sebagai Sultan dan Yang Dipertuan dan semoga kekal karal bertahta di Singgahsana, Negara Brunei Darussalam.

- * Mempertahankan dan memperkukuhkan kedaulatan dan kemerdekaan Negara

Brunei Darussalam serta sekalian jajahan, takluk rantau dan pesisirnya, dan

- * Mewujudkan ketenteraman dan kemakmuran di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan bersama-sama bersatu padu mendukung ke arah yang diiredai Allah Subhanahu Wataala dalam menjayakan kemajuan dan pembangunan negara.

Melawat ABDB

BERAKAS. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjadi tuan rumah kepada serombongan pelawat dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam di sini.

Rombongan terdiri dari 35 orang penuntut dan dua orang guru dijangka akan mengadakan lawatan itu pada 1 Ogos depan.

Rombongan dari SMSMJA

itu akan dijadualkan mengadakan lawatan ke Kompleks Muzium, workshop dan ke Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Tutong.

Lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk mendekatkan dan mendedahkan kepada para penuntut tentang kegiatan dan kerjaya tentera di negara ini.



YDM Kolonel Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Awang Haji Sulaiman (membelakangi kamera sebelah kiri) kelihatan sedang berucap. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

Kursus

BERAKAS. — Unit Latihan Jabatan Perjawatan akan mengadakan Kursus Metodologi bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan bermula dari 29 Julai hingga 10 Ogos di Pusat Latihan, Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang di sini.

Kursus 15 hari itu adalah kerjasama dari Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN).

Sementara itu unit tersebut juga akan mengadakan kursus Kakitangan Kerajaan peringkat permulaan bagi Kerani-Kerani dan Pelayan-pelayan di Jabatan-jabatan Kerajaan pada 30 Julai hingga 1 Ogos, kemudian akan diikuti dengan kursus yang sama pada 6 hingga 8 Ogos dan seterusnya pada 13 hingga 15 Ogos.



TAPAK Loji Penjanaan-Kuasa Bersama Brunei di Seria.


Usaha BSP untuk kurangkan punca karatan demi ekonomi

KARATAN adalah musuh yang sering membahayakan pemasangan pemasangan penghasilan minyak dan gas, kesannya hanya boleh menurunkan mutu logam khususnya besi baja dan juga boleh membinasakan logam yang tahan karat disebabkan oleh reaksi bahan kimia yang terdapat pada keadaan di sekeliling.

Kenyataan ini jelas dilihat pada karatan yang meliputi peralatan terdedah kepada dasar lautan. Lebih jelas, karatan mula berpuncu dari bahagian dalam saluran paip, tangki-tangki dan lain-lain peralatan apabila aliran proses mengandungi bahan yang boleh menimbulkan karat seperti klorida dan karbon dioksida.

Untuk mengatasi hal itu Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan punca karatan demi untuk keselamatan dan juga ekonomi.

Sistem-sistem penghasilan padang minyak kesemuanya terbahagi dengan pengungkapan cecair yang



KELIHATAN salah seorang pekerja di Champion 7.

EPS CIPTA REKOD KESELAMATAN

DALAM bulan Mei tahun ini EPS dan pemborong-pemborong telah sama-sama mencapai jumlah sasaran sebanyak 2,000,000 masa bekerja tanpa sebarang kerugian disebabkan kemalangan.

Hasil pencapaian itu telah dapat diketahui sehingga sejah SIPM, The Hague yang

mana telah menghantar penghargaan melalui telex dari EP/2 kepada Pengarah Urusan pada 31 Mei 1985. Telex tersebut berbunyi:

"Kami dengan rasa tulus ikhlas mengucapkan tahniah kepada BSP, kesemua kakitangan EPS serta para pemborong kerana pencapaian terbesar mereka dalam keselamatan. Kami

berharap agar awda memperoleh kejayaan di sasaran ketiga juta masa bekerja."

Sehubungan dengan itu EPS menjangkakan agar dapat mencapai tumpuan baru itu pada bahagian permulaan tahun hadapan.

Walau bagaimanapun EPS ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan para pekerja bahawa cara yang hanya dapat membolehkan pencapaian dasar itu adalah dengan memelihara serta mempermaju dan memperkembangkan lagi kesedaran dan keazaman kita terhadap keselamatan.

Sempena memperingati pencapaian mereka sebanyak 2,000,000 masa bekerja tanpa sebarang kemalangan, EPS telah menjemput para pemborong serta kakitangannya hadir ke satu majlis yang diadakan di BSRC pada hari Jumaat 28 Jun yang lalu di mana EPS telah dihadiahkan sebuah papantanda pengingatan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.



MD Nico Van Dijk menyampaikan pencapaian keselamatan kepada Eoin Mackenzie

LOJI PENJANAAN KUASA AKAN DIBINA DI SERIA

PENGUNAAN generator gas turbin yang pertama bagi projek Penjanaan-Kuasa Bersama Brunei di Lumut akan tiba dalam bulan November tahun ini.

Projek ini amatlah diperlukan memandangkan peranan yang akan dimainkan oleh janakuasa baru tersebut di dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam. Ianya akan membekalkan kuasa elektrik kepada negara ini.

Keperluan membina janakuasa berkenaan adalah juga disebabkan oleh bertambahnya keperluan pengguna di seluruh negara dan juga kehendak-kehendak penggunaan BSP di Seria di samping kurangnya keupayaan kuasa yang diberikan oleh Perkhidmatan-Perkhidmatan

Elektrik Kerajaan dan BSP kerana usia janakuasa yang sudah lama.

Di masa kini, para pekerja sedang sibuk mengendalikan pembangunan beberapa kemudahan-kemudahan penting antaranya termasuklah membina bangunan-bangunan, dasar bagi saluran paip, longkang, penguatan permukaan tanah dan kerja-kerja melindungi tanah dari runtuh.

Sekurang-sekurangnya 250 orang pekerja telah ditempatkan bertugas di projek tersebut di mana angka itu dijangka akan bertambah ke 700 orang dalam sedikit masa sahaja lagi.

Masalah yang mungkin mempengaruhi kelambatan projek tersebut ialah terdapatnya permukaan tanah

yang kurang kuat yang memerlukan penukuran.

Kesemua projek itu ditempatkan di satu kawasan 23 ekar berdekatan dengan loji BLNG. Adalah dianggarkan sebanyak tujuh generator yang menggunakan kuasa gas turbin akan dipasang. Sumber panas yang terbuang dari gas turbin itu akan digunakan pada 'waste heat boilers' bagi mengeluarkan wap tekanan tinggi untuk LNG Brunei.

Sejauh kini kira-kira 300,000 masa bekerja telah diluahkan yang bermula sejak 1 Januari 1985 lalu yang membanggakan ialah kesemua masa yang digunakan ke atas projek berkenaan tidak mendatangkan apa-apa kemalangan.

mudah terbakar, kebiasaannya mempunyai tekanan yang tinggi dan kegagalan menahan karat boleh membahayakan di segenap bidang seperti juga di luar pantai.

Bahaya-bahaya kemalangan jika dicantumkan seperti ongkos pemeliharaan, kerugian-kerugian di segi pengeluaran dan kemungkinan pencemaran dikehendaki bagi langkah-langkah membenters karatan.

Dalam membenters karatan, seorang jurutera haruslah memilih bahan yang paling baik dan memadai dengan ongkosnya dan juga cara teknikal yang paling sesuai dan cekap untuk setiap pemasangan.

Teknik-teknik lazim yang digunakan di BSP adalah salutan-salutan pelindung, perisai katod, bahan-bahan kimia seperti bahan-bahan penghalang dan biosida dan kadangkala logam khas atau bahan-bahan bukan logam.

Bagi memastikan kesemua sistem-sistem membenters karatan pada keseluruhan kehidupan perkhidmatan kita

yang berharga dan bertindak memuaskan maka suatu rencana lengkap sedang dijalankan oleh kakitangan EDE/62.

Sekumpulan penyelia yang terlatih khas telah dikerah untuk memeriksa dan mempermaju pelancaran sistem-sistem membenters pada masa-masa yang sistemistik.

Berbagai sukatan yang diambil dari luar dikombinasikan dengan kerja menganalisa di makmal. Terdapat daya untuk mempermaju pelindung kian berterusan. Ini bermakna perkembangan dalam percubaan

di padang mesti dilancarkan dan digabungkan dengan teknik-teknik mengesan yang khusus.

Adalah difahamkan sebahagian besar dari kegiatan mengesan ini membabitkan kerapkalinya mengadakan lawatan ke luar pantai.

Dengan adanya jadual jadual penerbangan dan kapal kerja dan dengan terhadnya kakitangan padang minyak rancangan ini hanya dapat dilaksanakan dengan menurunkan jumlah masa menunggu di luar pantai dengan seberapa yang boleh.



SERAMAI 20 orang kakitangan pentadbiran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah membuat kunjungan ke Shell Brunei pada 28 Jun lepas. Pegawai-pegawai tersebut diberikan

taklimat ringkas di Pusat Penerangan Hal-Ehwal Awam di Seria.

Setelah itu mereka dibawa melawat kira-kira satu jam ke AMPA-9 dengan menaiki kapal kerja 'Sharpburg'.

Pada sebelah tengah hari pula mereka diberi kesempatan menonton wayang gambar bertajuk Telaga Minyak dan setelah itu dibawa melawat ke Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Komputer.

PULAIE. — Langkah-langkah dan usaha yang bersepadu dan menyeluruh akan dibuat pada memikirkan cara pengurusan derma yang diterima untuk anak-anak yatim kepada satu rancangan yang menyeluruh bagi kepentingan dan masa depan mereka.

Dalam perkara ini, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan sebagai agensi Kerajaan dan bertanggungjawab mengatur dan menyalurkan perkhidmatan untuk kebajikan umum akan sentiasa mengalu-alukan apa jua langkah dan usaha yang berkebaikan, sama ada dari perseorangan, berkumpulan dan lainnya.

Berucap di Majlis Sambutan Hari Raya untuk anak-anak yatim seluruh negara akhir bulan lepas, Pemangku Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Ustaz Awang Haji Abd. Mokti bin Haji Md. Daud berkata, pengelangan dan pemedulian kita di negara ini terhadap anak-anak yatim adalah dirasakan tinggi dan menggalakkan.

Pengurusan derma anak-anak yatim akan diusahakan

Ini dibuktikan dengan curahan derma dan bantuan kepada Tabung Derma Anak-anak Yatim di seluruh negara terutama di hari-hari bulan puasa dan hampir menjelang Hari Raya.

Anak-anak yatim, jika diteliti, jelas Ustaz Awang Haji Abd. Mokti, adalah diibaratkan seperti orang yang celik berjalan di malam yang gelap tanpa sinaran cahaya yang menunjukkan di mana haluan, hanya bunyi cengkerik dan burung malam yang dapat menandakan di mana semak dan laluan.

PERHATIAN

"Tidak hairanlah, malah sepatutnya mereka mendapat perhatian yang wajar dari semua orang, terutama orang-orang yang dikurniakan Allah kelapangan dan kesenangan hidup agar dapat 'mengampiti' sedikit dari

kelapangan dan kesenangan yang ada pada mereka itu tanda bersyukur di atas nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita," tegasnya lagi.

Ustaz Awang Haji Abd. Mokti seterusnya menyeru para dermawan agar terus menderma bukan saja di saat-saat menjelang Hari Raya, malah bila-bila masa sahaja dirasakan ingin menderma.

Majlis yang ke sekian kalinya diadakan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu adalah untuk menyampaikan hadiah-hadiah Hari Raya sumbangan para dermawan. Hadiah telah disampaikan bersama oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein, Datin Masni bin Haji Ali, Datin Hajjah

Zaharah binti Haji Idris dan Datin Hajjah Maimunah binti Ambak.

Majlis yang diadakan di Dewan Pusat Bimbingan dan Latihan, Kampong Pulaie di sini telah dihadiri oleh lebih seribu orang anak-anak yatim dari seluruh negara. Acara di majlis itu termasuklah persembahan dari anak-anak keluarga Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kuntum Bersemi RTB, Kumpulan Teater Kanak-Kanak Dewan Bahasa dan Pustaka, serta persembahan lawak jenaka dan nyanyian oleh penyanyi-penyanyi undangan Johan Bintang Kecil dan peserta peringkat akhir Bintang Kecil '84.



YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang anak yatim — Gambar Haji Sharbini bin Tahta.

Kompleks Pendaratan Ikan Belait

KUALA BELAIT. — Daerah Belait akan mempunyai sebuah Kompleks Pendaratan Ikan apabila projek pembinaannya siap pertengahan tahun hadapan.

Kompleks yang dibina di kawasan seluas tiga siku ekar, berhampiran Bangunan Pasar di Pekan Kuala Belait bernilai 1½ juta ringgit dan mempunyai kemudahan seperti kilang ais dan bilik dingin.

Kilang ais yang dibekalkan akan mengeluarkan ais serpihan (flake ice) yang dirancang bagi menampung kekurangan ais yang terdapat di daerah itu, sementara bilik dingin disediakan meman-

dangkan kekurangan tempat menyimpan ikan. Ikan-ikan yang tidak dapat dijual akan dapat disimpan di kotak-kotak ikan yang dibubuh dengan ais dan kemudian disimpan di bilik dingin tersebut.

Pengarah Perikanan, Awang Matdaman Haji Jaafar dalam ucapan alu-aluannya di upacara Meletakkan Batu Asas Kompleks Pendaratan Ikan di sini menjelaskan bahawa kedua-dua kemudahan ikan jika digunakan dengan betul dengan sendirinya akan dapat meningkatkan mutu ikan-ikan yang dipasarkan di daerah itu.

Kompleks tersebut yang bermula pembinaannya bulan Mei lepas adalah dikanalalkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, yang mana dengan pembinaannya itu akan membolehkan masyarakat nelayan dan orang ramai yang berkecimpung dalam industri perikanan di daerah itu menikmati kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dalam hasratnya untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Upacara Meletakkan Batu Asas kompleks tersebut pada pagi Sabtu lepas dimulakan oleh tetamu kehormatan, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, Pegawai Daerah Belait. Juga hadir ialah Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai-Pegawai Kerajaan.

Ianya diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Imam Masjid Mohd Jamalul Alam, Awang Haji Zainal bin Idris.

RTB anjur Talentime 1985

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Inggeris Radio dan Televisyen Brunei akan mengadakan Pertandingan 'Nyanyian Talentime, 1985' terbuka kepada rakyat dan penduduk terapan negara ini yang berumur antara 16 hingga 28 tahun.

Borang-borang penyertaan, syarat serta peraturan pertandingan boleh diperolehi sekarang dari meja penyambut tetamu, Radio dan Televisyen Brunei di ibu negara, dan di Studio Radio dan Televisyen Brunei di Kuala Belait bagi mereka yang tinggal di kawasan Daerah Belait.

Penyertaan akan ditutup pada hari Sabtu, 10 Ogos, 1985. Setiap peserta dalam pertandingan tahun ini hanya dikehendaki membawa sebuah lagu Inggeris (solo).



ANTARA yang menghadiri majlis tersebut serta anak-anak yatim yang diraikan pada hari itu.

Pameran senilukis dan senifoto

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan peraduan dan Pameran Senilukis dan Senifoto 1985.

Peraduan yang bertemakan

'Brunei Darussalam Dalam Era Baru antara lain terbuka kepada rakyat negara ini dan setiap karya adalah bebas tetapi mempunyai unsur-unsur identiti keBruneian.

Pameran dan peraduan akan berlangsung pada 11 Ogos 1985 bertempat di Stadium Negara Hassanah Bolkiah manakala tarikh

tutup penyertaan ialah pada 9 Ogos 1985.

Borang penyertaan dan keterangan-keterangan lanjut boleh didapati daripada Setiausaha Peraduan Awang Nor Ariffin bin Md. Yassin, di Jabatan Adat Istiadat, atau Penolong Setiausaha Awang Haji Matayir bin Amin di Jabatan Penerangan.

Kejohanan Rentas Desa bagi Sekolah Rendah Kerajaan

MUARA. — Seramai 192 orang murid lelaki dan perempuan telah menyertai rentas desa Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan Brunei II yang berlangsung di Sekolah Rendah Kerajaan Delima Satu pada 13 Julai lepas.

Rentas desa kali yang ke-21 merupakan projek tahunan Jabatan Pelajaran bagi Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan Brunei II di sini.

Sebanyak 6 buah Sekolah Rendah Rendah Kerajaan telah turut menghantar para wakil mereka bagi mengikuti acara sukan yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian perseorangan dan berpasukan.

Perlumbaan sejauh empat batu bagi murid lelaki dan tiga batu bagi murid perem-

puan adalah dari kalangan mereka yang dilahirkan dalam lingkungan tahun 1972 ke atas.

Bahagian perseorangan lelaki tempat pertama dimenangi oleh Ak. Ahmad Raphael Pg. Hanafiah dari SRK Delima Satu, Tempat kedua pula ialah Roslan Seruddin dari SRK Sultan Abd. Bubin Sg. Besar dan tempat ketiga ialah Reimi Alak dari SRK Delima Satu.

Bahagian perseorangan perempuan tempat pertama dimenangi oleh Alinawati Aliakbar dari SRK Sultan Umar Ali Saifuddin Muara, pemenang kedua ialah Rubiyanti Abd. Rahman dari SRK Batu Marang sementara menduduki tempat ketiga pula ialah Rahimah Haji

Buntar dari SRK Datu Gandi.

Sementara acara berpasukan lelaki tempat pertama dimenangi oleh SRK Sultan Abd. Bubin, Sg. Besar, menduduki tempat kedua pula ialah dari SRK Delima Satu dan tempat ketiga jatuh kepada SRK Datu Mahawangsa Lambak.

Bahagian berpasukan perempuan tempat pertama dimenangi oleh SRK Delima Satu, tempat kedua jatuh kepada SRK Batu Marang dan menduduki tempat ketiga dalam acara ini ialah dari SRK Datu Mahawangsa Lambak.

Sementara pemenang keseluruhan berpasukan bagi tahun 1985 jatuh kepada Sekolah Rendah Kerajaan Delima Satu.

Jambori Nasional

GADONG. — Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam kini sedang mengeluarkan borang-borang penyertaan ke Jambori Nasional Negara Brunei Darussalam tahun 1985, yang akan diadakan di Perkhemahan Gadong di sini bulan Disember depan.

Jambori yang julung-julung kalinya diadakan itu terbuka bagi penyertaan semua pergerakan pengakap di bawah pimpinan Persatuan dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah di negara ini. Beberapa buah Pertubuhan Pengakap yang bergabung dengan Pertubuhan Pengakap Sedunia Rantau Asia-Pasifik juga dijemput bagi ikut serta.

Setiap satu kumpulan bagi pengakap-pengakap tempatan hanya dua Patrol seramai 16 orang dan dua orang pemimpin akan dibenarkan untuk menyertai Sub Camp I (Sub Camp Antarabangsa). Manakala yang lainnya akan ditempatkan di Sub Camp 2 (Bahagian Pengakap), Sub Camp 3 (Pengakap Venture Perempuan dan Pandu Puteri), dan Sub Camp 4 (Bahagian Pengakap Venture Lelaki).

Pengakap-pengakap Serigala juga dibenarkan hadir ke kawasan perkhemahan dan akan ditempatkan di Sub Camp 5 (Pengakap Serigala dan ahli-ahli yang belum berdaftar dan Kontingen Luar Negeri, tidak termasuk Kontingen Antarabangsa) jika mereka berhajat untuk tidur di khemah.

Penyertaan negara-negara jiran dari Malaysia hendaklah dibuat dengan mendaftarkan diri di Ibu Pejabat Jambori dan menghadapkan permohonan melalui borang penyertaan.

Bayaran penyertaan Pengakap-pengakap, Pengakap Venture, Pengakap Serigala, Pemimpin pemimpin Dewasa dan juga pengakap-pengakap dari negeri-negeri jiran (Sabah dan Sarawak) ialah \$10.00 tiap-tiap seorang, bagi bayaran lencana dan scarf jambori.

Pihak penganjur akan mengeluarkan lain-lain butir mengenai syarat-syarat jambori dari masa ke semasa. Borang-borang penyertaan hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha Jawatankuasa Jambori tidak lewat dari 31 Ogos depan.

KERJAYA POLIS

**BELIA-BELIA YANG BERKELAYAKAN
AMBILAH LANGKAH KE HADAPAN
UNTUK BERKHIDMAT
DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA**



FAEDAH-FAEDAHNYA

Di samping berbagai-bagai elaun yang biasa diberikan, anggota-anggota rank dan file juga akan menerima bonus 2 bulan gaji setelah genap tempoh perkhidmatan tiga tahun yang pertama tertakluk kepada kenfahuan mereka untuk menyambung perkhidmatan lagi, bonus 1 bulan gaji tiap-tiap genap tiga tahun tempoh perkhidmatan seterusnya dan bonus 1½ bulan gaji tiap-tiap tahun genap perkhidmatan. Selain daripada cuti tahunan selama 30 hari yang mereka berhak, anggota-anggota rank dan file juga diberi cuti pendek selama 6 hari tiap-tiap tahun. Di samping itu, mereka juga akan disediakan rumah dan bekalan air dan elektrik percuma.

Genap Perkhidmatan 12 bulan pertama	— BONUS 1½ bulan gaji
" " tahun kedua	— BONUS 1½ bulan gaji
" " tahun ketiga	— BONUS 1½ bulan gaji
	+ 2 bulan gaji kerana menyambung perkhidmatan = 3½ bulan gaji
Bagi Tempoh Perkhidmatan Seterusnya	— BONUS 1 bulan gaji
Perumahan, bekalan air dan elektrik	— PERCUMA
Cuti Tahunan Genap	
Setahun Perkhidmatan	— 30 hari + 6 cuti pendek = 36 hari.

**BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH DIPEROLEHI
DI MANA-MANA JUA BALAI POLIS YANG BERDEKATAN
ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN PEGAWAI
PENGAMBILAN, DI IBU PEJABAT POLIS, GADONG.
TEL: 23901 SAMBUNGAN 228/229.**

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PEMBEKALAN AM

(Di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
(Bil.: 87/1985-1)

Tanggungjawab: C. 3.4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada keayakan dan pengalaman. Kelayakan dan Pengalaman: a) Mestilah berumur 25 hingga 45 tahun.

b) Mempunyai kelulusan Higher National Diploma (Business Studies) atau kelulusan yang sebanding dengannya serta mempunyai kelulusan dalam Book-Keeping sebagai salah satu matapelajaran.

c) Pengalaman dalam mengendalikan stor perbekalan serta mengimpor barang-barang adalah merupakan satu kelebihan.

d) Pengetahuan Bahasa Melayu adalah perlu.

2. PEMERIKSA LESEN-LESEN RAMPAIAN

(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)
(Bil.: 87/1985-2)

Tanggungjawab: C. 3.4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

b) Mestilah mempunyai kelulusan Higher National

Diploma (HND) atau TEC Higher Diploma atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya di dalam bidang pengajian Pengurusan dan Pentadbiran Perniagaan, Undang-Undang atau Perakaunan; ATAU

ii. Calon-calon hendaklah terdiri dari sama ada Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggungjawab C2 EB 3/C2-3 EB 4 atau pun Pegawai-Pegawai di sektor swasta dalam tanggungjawab yang seakan-akan sama dan memegang jawatan-jawatan yang bersesuaian, serta telah pun ditetapkan dalam jawatan, telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pengurusan lesen-lesen rampaian atau yang berkaitan dengannya serta mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.

c) Mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Bahasa Melayu dan Inggeris serta memiliki keperibadian yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

a) Pemegang jawatan ini akan membantu tugas-tugas bagi mengendalikan undang-undang Lesen Rampaian yang akan ditentukan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi atau pegawai yang menjalankan tugas-tugas tersebut.

b) Memproses permohonan-permohonan untuk mendapat Lesen Rampaian bagi pedagang kereta, stesen minyak, termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar

c) Mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Bahasa Melayu dan Inggeris serta memiliki keperibadian yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

a) Pemegang jawatan ini akan membantu tugas-tugas bagi mengendalikan undang-undang Lesen Rampaian yang akan ditentukan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi atau pegawai yang menjalankan tugas-tugas tersebut.

b) Memproses permohonan-permohonan untuk mendapat Lesen Rampaian bagi pedagang kereta, stesen minyak, termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar

sebelum dihadapkan kepada pengawal yang menjalankan tugas-tugas berkenaan.

c) Membuat lawatan/penyiasatan ke tempat-tempat pedagang-pedagang kereta serta stesen menjual minyak termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar di semua Daerah dalam Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menyediakan laporan perkembangannya.

3. PENOLONG PEGAWAI BUKU-BUKU TEKS DAN KURIKULUM

(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri)
(Bil.: 87/1985-3)

Tanggungjawab: C. 2 EB. 3—\$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Perguruan Ugama atau Sijil Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

b) Telah berkhidmat sebagai Guru Ugama tidak kurang daripada 5 tahun.

c) Boleh menulis dan bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu dan mempunyai pengetahuan serba sedikit dalam Bahasa Arab.

d) Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama (SPU) atau Sijil Persekolahan Brunei Cambridge/Singapore Cambridge dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran di peringkat biasa.

e) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang perkembangan kurikulum dan pengurusan buku-buku teks.

4. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS

(Di Jabatan Telekom, Ke-

menterian Perhubungan)
(Bil.: 87/1985-4)

Tanggungjawab: C. 2 EB. 3—\$1450-\$2270 sebulan.

a) Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan TEC/BEC Higher Certificate atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang-bidang berikut:

i. Purchasing and Supply

ii. Business Studies/Administration

iii. Managing Accounting/Accounting

iv. Bidang-bidang pengajian lain yang bersesuaian.

ATAU

b) Penyelenggara Stor Tingkat I yang mempunyai kelulusan TEC/BEC Diploma yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.

ATAU

c) Penyelenggara Stor Tingkat I yang tidak mempunyai kelulusan seperti di (a) dan (b) di atas tetapi telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 7 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi kakitangan yang memuaskan.

d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Sim-

pan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam pengurusan stor/kakitangan dan pembelian alat-alat.

5. PENYUSUN PROJEK

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 87/1985-5)

Tanggungjawab: C. 3.4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada keayakan dan pengalaman. a) Mestilah mempunyai Higher National Diploma atau yang sebanding dengannya dalam jurusan Business Studies atau Computer Science.

b) Mempunyai minat untuk membuat kerja luar dan sanggup bekerja di luar waktu pejabat.

c) Boleh menyediakan laporan teknikal dan kedudukan kewangan dan barang-barang untuk satu-satu projek.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

a) Bertanggungjawab kepada Jurutera Telekom Kanan.

b) Mengumpulkan data-data dan keterangan mengenai projek-projek dan mengikuti perkembangannya.

c) Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.

d) Mengendalikan semua file dan dokumen-dokumen mengenai projek-projek.

e) Menilai kedudukan sesuatu projek dan membuat laporan.

f) Menyediakan dan mengawas perjanjian-perjanjian mengenai kontrak.

pan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam pengurusan stor/kakitangan dan pembelian alat-alat.

5. PENYUSUN PROJEK

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 87/1985-5)

Tanggungjawab: C. 3.4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada keayakan dan pengalaman. a) Mestilah mempunyai Higher National Diploma atau yang sebanding dengannya dalam jurusan Business Studies atau Computer Science.

b) Mempunyai minat untuk membuat kerja luar dan sanggup bekerja di luar waktu pejabat.

c) Boleh menyediakan laporan teknikal dan kedudukan kewangan dan barang-barang untuk satu-satu projek.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

a) Bertanggungjawab kepada Jurutera Telekom Kanan.

b) Mengumpulkan data-data dan keterangan mengenai projek-projek dan mengikuti perkembangannya.

c) Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.

d) Mengendalikan semua file dan dokumen-dokumen mengenai projek-projek.

e) Menilai kedudukan sesuatu projek dan membuat laporan.

f) Menyediakan dan mengawas perjanjian-perjanjian mengenai kontrak.

g) Mengendalikan quotation quotation.

h) Mengendalikan stor bagi projek.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 26 Ogos, 1985.
(E/1223/83)

Sebagai Jurutera Elektronik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURUTERA ELEKTRONIK di Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: B. 2 EB. 3—\$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (B.Sc) dalam bidang elektronik, atau elektronik atau elektromekanik, dan sekurang-kurangnya mempunyai 2 tahun pengalaman dalam memelihara dan memperbaiki alat-alat elektrik atau elektronik.

b) Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai Sijil HNC atau HND yang bersangkut paut dengan mata-mata pelajaran seperti elektrik, elektronik, elektromekanik atau fizik, dan sekurang-kurangnya mempunyai 5 tahun pengalaman dalam memelihara dan memperbaiki alat-alat elektrik atau elektronik.

c) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang telah mempunyai pengalaman dalam memelihara dan memperbaiki alat-alat elektro perubatan seperti haemodialysis, electrocardiography, X-ray, Ultrasound, laser, optical, komputer system, peralatan komunikasi dan makmal perubatan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

1) Bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa yang diarahkan oleh pihak-pihak yang tertentu memeriksa perkakas-perkakas elektro-perubatan (electro-medical equipment) dengan mengikut dasar-dasar pemeliharaan dan pemeriksaan yang sedia ada pada masa ini.

2) Memberikan perkhidmatan-perkhidmatan pemeli-

haraan, pembaikan, membuat ujian dan pengukuran terhadap alat-alat yang berkaitan dengan elektro-perubatan (electronic and perkasas-perkakas elektro-perubatan (electro medical equipment).

3) Membuat penilaian ke atas kelengkapan elektronik dan alat-alat perkakas elektro-perubatan dari segi teknik dan ekonomi kegunaannya dan kesesuaian sebelum dibeli. Dikehendaki juga membantu dan memerhati dalam pemasangan dan perlaksanaan alat-alat yang baru itu sambil mengambil tahu cara penggunaan sepenuhnya.

4) Di samping bekerja dalam masa-masa yang tertentu, mereka juga akan dikehendaki bertugas apabila dipanggil pada masa-masa di luar waktu bekerja.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaruan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang perumahan, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam. Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5,

Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 September, 1985.

(Bil. iklan: 76/85)
(E/314/81)

NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP

BIL.: (5) 1985

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1. Penentuan-penentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurusan sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (5) 1985.

3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau diiktiraf kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran dan Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Ogos, 1985.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/39/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 70 BUAH PERUMAHAN PERPINDAHAN DI KAMPONG LAMBAK KANAN (PERINGKAT II/AA), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$300.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/40/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 88 BUAH PERUMAHAN PERPINDAHAN DI KAMPONG LAMBAK KANAN (PERINGKAT II/AB), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$300.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/41/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN GUDANG KERTAS PUTIH BAGI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN DI LAPANGAN

TERBANG LAMA, BERAKAS.

Tarikh tutup: 26 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$300.00.

Kelayakan: Kelas A dan B (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/107/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI ISTANA KOTA MENGALILA, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/108/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/106/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1986.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/107/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI ISTANA KOTA MENGALILA, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/108/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/106/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1986.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada 5 Ogos, 1985 bagi membekalkan Pakaian Seragam untuk Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga tiap-tiap helai seluar dan baju dan hendaklah menyertakan bersama-sama surat tawaran contoh kain yang digunakan. Butir-butir lanjut mengenai dengan bentuk dan kain yang biasanya digunakan boleh didapati daripada Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

3. Penawar yang berjaya hendaklah bersedia membuat dan membekalkan setiap pesanan dalam tempoh tidak lebih 3 minggu dari tarikh Incident dikeluarkan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "TAWARAN BAGI MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA" dan dinyatakan di sampul surat nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERTAS SALINAN KEPADA JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1985

I. Tawaran-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 5 Ogos, 1985 bagi membekalkan perkara-perkara di atas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bagi Pembekalan 1985.

KETERANGAN

1. KERTAS SALINAN

Origin : KOREA/JAPAN/AUSTRALIA
Beral : 60/70 gsm
Ukuran : 665 x 845 mm (26 1/2 x 34 ins)

Banyak/Warna dikehendaki:

i) Putih (White) — 800 Rms
ii) Kuning (Yellow) — 1000 Rms
iii) Kuning (Yellow) — 700 Rms
iv) Hijau (Green) — 700 Rms
v) Biru (Blue) — 800 Rms

2. KERTAS TAIP

Jenis Kertas : AUSTRALIAN BURNIE SUPERFINE
Beral : 60 gsm
Warna : Putih (White)

Ukuran : A4 210 x 297 mm (8 1/4 x 11 3/4 ins)

(Hendaklah dibungkus 3 Reams (1500 keping) dalam satu bungkus dengan menggunakan kertas KRAFT 95 gsm.)

Banyak : 10,000 Reams

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh Kertas/Board, Brand Kertas, Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam Borang Tawaran yang disediakan. Semua Tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan, kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

IV. Harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekal ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

V. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul itu:—

PEMBEKALAN KERTAS SALINAN 1985 KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

VI. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semasa Pejabat dibuka.

VII. Cagaran tawaran sebanyak \$2,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang diadapakan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan jua dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikut kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kertas-kertas tersebut sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikut kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kertas-kertas tersebut sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

al 50% dihantar dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.

bi 50% dihantar dalam tempoh 30 hari selepas tempoh penghantaran di atas.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak \$20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membekalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tersebut di atas. Sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh berkenaan dengan pembekalan yang gagal ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki memandatangani satu kontrak dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/102/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK RUMAH PENGAWAL DI RUMAH VIP, JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 31 Julai, 1985 jam 12.00 tengah hari.
Kelayakan pemborong: Electrical Wiring Kelas "A", "B" dan "C"

Cengkeram: \$100.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/103/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK TAMBAHAN KEPADA RUMAH PANTAI DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 31 Julai, 1985 jam 12.00 tengah hari.
